

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

PDP 471 Perspektif Sosial - Falsafah dalam Pendidikan

Masa : [3 jam]

Jawab EMPAT soalan; SATU soalan dari Bahagian A, SATU soalan dari Bahagian B dan DUA soalan dari Bahagian C. Tiap-tiap soalan membawa markah yang sama.

BAHAGIAN A (Pilih satu soalan)

1. Apakah corak pendidikan dalam masyarakat pribumi Tanah Melayu pada zaman sebelum kedatangan British? Pilih salah satu daripada pendidikan tradisional di kalangan masyarakat Melayu waktu itu dan jelaskan peranan yang dimainkan oleh golongan ulamak.

ATAU

2. Pilih mana-mana dua daripada cadangan-cadangan di dalam sama ada Laporan Razak atau Laporan Rahman Talib; tunjuk dan bincangkan bagaimana cadangan-cadangan (yang anda kenalpasti) itu menyumbang ke arah perkembangan sistem pendidikan nasional dalam kira-kira satu dekad yang berikutnya.

BAHAGIAN B (Pilih satu soalan)

3. Sebagai sebuah negara membangun yang mempunyai penduduk yang terdiri dari berbagai keturunan, sarankan satu sistem pendidikan yang anda rasa sesuai untuk Malaysia. Bincangkan pendapat anda dalam konteks teori-teori dan aliran-aliran pendidikan semasa.

ATAU

4. Sejauh manakah "Masyarakat Unggul" Plato sebagaimana yang disarankan di dalam "The Republic" benar-benar menunjukkan ciri-ciri keunggulan. Bincangkannya kefahaman anda tentang sifat manusia, sifat ilmu dan sifat masyarakat.

...2/-

BAHAGIAN C (Pilih 2 soalan sahaja)

5. Huraikan faktor-faktor alam sekitar yang dianggap penting bagi menjelaskan perbezaan-perbezaan pencapaian dalam pelajaran murid-murid sekolah.

7. Huraikan dengan ringkas fungsi sosial sekolah. Pilih satu fungsi sosial sekolah yang anda anggap paling penting dan kenapa?

6. Bincangkan prospek kesan-kesan baik dan kesan-kesan buruk jika sistem pendidikan Malaysia diswastakan.

- oooOooo -